

**Keputusan Anwar Bayangkan Kebebasan Badan Kehakiman - Jabatan Negara AS  
Bernama  
10 Januari , 2012**

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Jabatan Negara Amerika Syarikat (AS) berkata keputusan mahkamah membebaskan ketua pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim dari tuduhan liwat mencerminkan dengan baik kebebasan badan kehakiman Malaysia.

"Kami sambut baik penyelesaian kes yang telah berjalan lama, yang kami ikuti dari dekat," kata kenyataan dari pejabat jurucakap jabatan itu, yang dikeluarkan menerusi kedutaan AS di sini pada Selasa.

Ia menyatakan keputusan itu memberi peluang kepada seluruh rakyat Malaysia untuk menumpukan perhatian kepada masa depan.

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada Isnin membebaskan dan melepaskan Anwar dari tuduhan meliwat bekas pembantunya Mohd Saiful Bukhari Azlan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=639077>